

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 MARCH 2015

# Laungan semangat di Stadium Putra

» 20,000 Melayu mewakili pelbagai institusi, NGO hadir bukti kesepakatan

Kuala Lumpur

**H**impunan lebih 20,000 Melayu mewakili pelbagai institusi dan badan bukan kerajaan (NGO) di Stadium Putra Bukit Jalil, dekat sini, malam tadi, membuktikan semangat kesepakatan dan solidariti ditunjukkan kaum itu.

Ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tepat pada jam 7.07 malam disambut meriah dengan sorakan hadirin yang membanjiri pekarangan Stadium Putra sejak jam 5 petang.

Seterusnya, Najib menunaikan solat Maghrib bejemaah bersama hadirin. Majlis kemudian dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku disusuli pelancaran logo Gerakan Renaisans Melayu.

## Tayangan video

Tayangan video kebangkitan Melayu serta persembahan pencak silat mendapat tepukan gemuruh dan bersemangat daripada setiap yang hadir.

Lampu stadium dipadamkan dan majlis menampilkan tiga lelaki berpakaian baju Melayu dilengkapi lampu diod pancaran



Najib memangku Mohamad Adam Naufal, 4, yang memakai baju Melayu lengkap bertengkolok pada Perhimpunan Perpaduan Melayu di Stadium Putra, Bukit Jalil, semalam. [FOTO ZAABA ZAKERIA/BH]

cahaya (LED) diiringi alunan muzik kepahlawanan.

Kumpulan 'komando' kemudian melangkah masuk memperlihatkan seni tempur sebelum membentuk formasi Tugu Negara pada akhir persembahan mereka.

Pengacara majlis, Ally Iskandar turut menyampaikan pantun berbunyi: "Buai laju-laju, sampai pucuk sena, Melayu boleh maju, hingga terajui dunia."

Kumpulan UiTM Buskerz yang baru setahun ditubuhkan menyemarakkan perhimpunan dengan

menyampaikan rangkaian lagu patriotik.

Majlis itu adalah hasil inisiatif Majlis Perundingan Melayu (MPM) dengan keijasama Universiti Teknologi MARA (UiTM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Dewan Bahasa dan Pustaka, Unit

“  
Buai laju-laju,  
sampai pucuk  
sena, **Melayu**  
boleh maju,  
hingga terajui  
dunia”

Ally Iskandar,  
Pengacara majlis

Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Biro Tatanegara (BTN).

## Penggerak bangsa Melayu

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata perhimpunan seumpama itu mampu menggerakkan bangsa Melayu untuk terus maju.

Beliau yang juga Menteri Pendidikan II berkata, Melayu kini tidak lagi bergantung atau meminta-minta daripada kerajaan sebaliknya mempunyai inisiatif sendiri berbuat demikian.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Abu Zahar Ujang, berkata ia adalah malam yang bersejarah bagi bangsa Melayu dalam memperkukuhkan solidariti kaum itu.

Pengerusi Biro Pendidikan UMNO, Senator Tan Sri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata perhimpunan seumpama itu adalah gerakan penting untuk bangsa Melayu dalam usaha mempertingkatkan perpaduan.